

## Tiada lagi laluan istimewa

---

SEREMBAN: Tiada laluan istimewa bagi mana-mana pihak yang ingin membeli nombor pendaftaran khas istimewa siri MALAYSIA yang dibuat sempena sambutan Hari Kebangsaan tahun ini. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, kali ini pihaknya tidak membenarkan sebarang tempahan awal atau simpanan khas untuk individu tertentu bagi mengelak ketirisan berlaku. Menurutnya, tiada jalan mudah untuk pemohon mendapatkan nombor pendaftaran diinginkan kerana mereka perlu membuat bidaan secara terbuka mengikut prosedur ditetapkan. "Semua pihak termasuk menteri Kabinet tidak mempunyai keistimewaan. Mereka juga perlu buat bidaan. "Saya sendiri walaupun sebagai Menteri Pengangkutan telah membida nombor MALAYSIA 509 sempena PRU14 yang berlangsung pada 9 Mei lalu, dengan harga RM1,509. Harga minimum bidaan adalah RM300, namun jika ada pihak membida lebih tinggi daripada saya, maka saya perlu akur menerimanya. "Yang pasti, semua pihak perlu buat bidaan secara tender terbuka di seluruh pejabat JPJ negeri masing-masing dalam masa dua minggu bermula 1 sehingga 15 Ogos ini," katanya selepas melancarkan nombor pendaftaran istimewa siri MALAYSIA di Pejabat JPJ Negeri, Jalan Seremban, di sini, semalam. Hadir sama, Ketua Pengarah JPJ, Datuk Seri Shaharuddin Khalid dan Pengarah JPJ Negeri Sembilan, Azrin Borhan. Sementara itu, siri nombor pendaftaran MALAYSIA 2020 tidak terbuka untuk bidaan kerana ia dikhaskan kepada Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, namun tiada sebarang jawapan lagi sama ada beliau menerima atau sebaliknya. Bagaimanapun, jika Dr Mahathir tidak mahukan nombor khas itu, JPJ akan membuka bidaan tender terbuka. Harga tempahan minimum bagi setiap nombor pendaftaran tertakluk kepada kategori nombor, dengan nombor bernilai utama bermula 1 sehingga 10 adalah RM 10,000, nombor menarik bermula 11 sehingga 9999 adalah RM2,000 dan nombor popular serta nombor semasa masing-masing RM300. Sebelum ini nilai bidaan dan jualan keseluruhan tertinggi bagi siri V iaitu RM22.48 juta dengan diikuti siri F sebanyak RM17.55juta, bidaan tertinggi bagi kedua-dua siri ini pula ialah V1 iaitu RM989,780 manakala F1 ialah RM836,660. Pada 4 Jun lalu, Anthony memperkenalkan siri nombor pendaftaran MALAYSIA yang diwujudkan untuk memupuk semangat kecintaan terhadap negara, selaras dengan tema Hari Kebangsaan ke-61 'Sayangi Malaysiaku'.

---

**SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 6 | 2 OGOS 2018**